MOHD TAHIR BAHTIAR & SATU LAGI lwn. PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MOHD ZAWAWI SALLEH HMR
KAMARDIN HASHIM HMR
AB KARIM AB JALIL HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: J-05(H)-19-01-2017 (IDN)
& J-05(H)-21-01-2017 (IDN)]
19 MAC 2018

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap hukuman – Hukuman sepuluh tahun penjara dari tarikh tangkap bagi sabitan bawah s. 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 – Sama ada hukuman yang dijatuhkan wajar – Faktor-faktor mitigasi – Kesalahan pertama – Berkelakuan baik – Sama ada faktor mitigasi dipertimbangkan oleh hakim bicara – Sama ada jenis kesalahan yang dilakukan serius*

Perayu pertama dan perayu kedua ('perayu-perayu') telah dibicarakan di Mahkamah Tinggi untuk kesalahan menjalankan penyeludupan migran seramai 17 orang dengan niat bersama, iaitu satu kesalahan bawah s. 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ('Akta') dibaca bersama-sama dengan s. 34 Kanun Keseksaan. Di akhir perbicaraan, hakim bicara mensabitkan perayu-perayu dan menjatuhkan hukuman sepuluh tahun penjara dari tarikh tangkap. Terkilan, perayu-perayu merayu terhadap hukuman mereka atas alasan, antara lain, bahawa (i) perayu-perayu ialah pesalah pertama yang tidak pernah terlibat dengan apa-apa kes jenayah sebelum ini; dan (ii) sepanjang perayu-perayu berada di negara ini, mereka bekerja secara sah dan tidak pernah terlibat dengan apa-apa kesalahan.

Diputuskan (mengesahkan hukuman)
Oleh Mohd Zawawi Salleh HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Dalam konteks kes-kes penyeludupan migran, keperluan menjatuhkan hukuman yang mempunyai kesan pencegahan menjadi penting untuk menentukan sempadan negara tidak dibolosi dan penjenayah-penjenayah tidak melakukan aktiviti-aktiviti rentas sempadan yang boleh memudaratkan dan mengancam keselamatan dan keamanan negara. Oleh itu, hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara adalah berpadanan, setimpal dan saksama. (perenggan 16 & 17)

(2) Tidak terdapat apa-apa faktor peringanan yang berpihak kepada perayu-perayu selain daripada faktor bahawa mereka pesalah-pesalah pertama. Perayu-perayu tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dihadapkan terhadap mereka. Ini merupakan satu indikasi bahawa

perayu-perayu tidak menyesal atas kesalahan yang mereka lakukan. Adalah satu amalan yang diterima bahawa pengakuan bersalah pada peluang terawal merupakan satu ekspresi penyesalan terhadap kesalahan yang dilakukan dan boleh diambil kira sebagai satu faktor peringanan. (perenggan 17)

(3) Kesalahan yang dilakukan oleh perayu-perayu didorong oleh perasaan tamak untuk mendapatkan keuntungan kewangan. Ini merupakan faktor pemberatan yang mewajarkan hukuman berat dijatuhkan oleh mahkamah. Kesalahan ini juga dirancang secara rapi dan tersusun. Oleh itu, perayu-perayu gagal menunjukkan bahawa hukuman yang dijatuhkan terhadap mereka oleh hakim bicara adalah terlalu berat dan wajar diganggu. Hukuman tersebut, oleh itu, adalah wajar, saksama, adil dan berpadanan dengan kesalahan yang dilakukan. (perenggan 17, 20 & 21)

Bahasa Malaysia *Headnotes*

The first and second appellants ('the appellants') were charged at the High Court for the offence of smuggling 17 immigrants with common intent, an offence under s. 26A of the Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007 ('the Act') read together with s. 34 of the Penal Code. At the end of the trial, the trial judge convicted the appellants and sentenced them to ten years imprisonment from the date of arrest. Aggrieved, the appellants appealed against the sentence imposed on grounds, *inter alia* that (i) the appellants were first time offenders who have never been involved in any previous criminal case; and (ii) while the appellants were in the country, they were legally employed and had never been involved in any offence.

Held (affirming conviction)
Per Mohd Zawawi Salleh JCA delivering the judgment of the court:

(1) In the context of cases of relating to smuggling of immigrants, the need to impose penalties that have precautionary effect was important to ensure that the boundaries of the country were not encroached and criminals do not commit cross-border activities that could cause detriment and threaten the national security and peace of the country. Therefore, the sentence imposed by the judge was fit, fair and equitable.

(2) There were no mitigating factors in favour of the appellants other than the fact that they were first time offenders. The appellants did not plead guilty to the charge they were charged with. This was an indication that the appellants were not remorseful of the offence committed. It was an accepted practice that a guilty plea of the earliest opportunity was an expression of remorse for the offence committed and could be regarded as a mitigating factor.

(3) The offences committed by the appellants were motivated by financial or material gains. This was an aggravating factor that justified a heavier sentence to be imposed by the court. The offence committed was also well-organised. Thus, the appellants failed to show that the sentence imposed by the trial judge was manifestly excessive and warranted intervention. The sentence imposed was, thus, reasonable, fair just and in accordance with the offense committed.

Kes-kes yang dirujuk:
PP v. Jafa Daud [1981] 1 LNS 28 HC ***(dirujuk)***
R v. Ball (1951) 35 Cr App R 164 ***(dirujuk)***
R v. Downey [2010] OJ No 1038 ONSC 1531 ***(dirujuk)***
R v. Howells [1999] 1 All ER 50 ***(dirujuk)***
R v. James Hency Sargeant (1974) 60 Cr App R 74 ***(dirujuk)***
Sumirah v. PP [2016] 1 LNS 1561 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Anti-Trafficking in Person and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007, ss. 2, 26A, 26J
Security Offences (Special Measures) Act 2012, s. 3
Penal Code, s. 34

Bagi pihak perayu-perayu - Mohd Fazaly Ali Mohd Ghazaly; T/n The Law Chambers of Fazaly Ali
Bagi pihak responden - Nadia Naim Mohd Tajuddin; TPR

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Johor Bahru; Perbicaraan Jenayah No: 45-03-08-2015 (disahkan).]

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

PENGHAKIMAN

Mohd Zawawi Salleh HMR:

Latar Belakang Perbicaraan

[1] Mohd Tahir Bahtiar ("perayu pertama") dan Hardi Banggulung ("perayu kedua") telah dibicarakan di Mahkamah Tinggi Johor Bahru, dengan niat bersama, telah menjalankan penyeludupan migran seramai 17 orang warganegara Indonesia, iaitu suatu kesalahan di bawah s. 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ("Akta 670") yang boleh dihukum di bawah seksyen yang sama Akta 670 dan dibaca bersama dengan s. 34 Kanun Keseksaan.

[2] Seorang lagi yang dibicarakan bersama-sama dengan perayu-perayu ialah Syukir bin Mail. Dia dituduh terlibat dalam pengangkutan seramai 17 orang migran yang menjadi hal perkara pertuduhan yang dihadapi oleh perayu-perayu, iaitu suatu kesalahan di bawah s. 26J Akta 670 yang boleh dihukum di bawah seksyen yang sama Akta 670.

[3] Di akhir perbicaraan, yang arif hakim bicara ("hakim bicara") mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya terhadap kedua-dua perayu dengan kesalahan di bawah s. 26A dan terhadap Syukir bin Mail di bawah s. 26J Akta 670, masing-masingnya.

[4] Hakim bicara telah mensabitkan mereka dengan kesalahan kesalahan tersebut dan menjatuhkan hukuman seperti berikut:

(a) Perayu pertama dan perayu kedua	–	Sepuluh tahun pemenjaraan yang berkuat kuasa dari tarikh mereka ditangkap (3 Julai 2015).
(b) Syukir bin Mail	–	Tiga tahun pemenjaraan yang berkuat kuasa dari tarikh dia ditangkap (3 Julai 2015).

[5] Terkilan dengan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara, perayu-perayu telah merayu ke mahkamah ini terhadap hukuman sahaja. Manakala Syukir bin Mail pula tidak mengemukakan apa-apa rayuan, termasuklah rayuan terhadap hukuman.

Pertuduhan Pindaan

[6] Pertuduhan pindaan yang dikemukakan terhadap perayu-perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu Muhammad Tahir bin Bahtiar dan Hardi Banggulung pada 03.07.2015, jam lebih kurang 10.55 pagi di Hentian sebelah Kulaijaya (Arah Selatan), Kulaijaya, Johor, dengan niat bersama, telah menjalankan penyeludupan migran seramai tujuh belas (17) orang warganegara Indonesia (nama-nama seperti di lampiran).
>
> Dengan ini kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama dalam akta yang sama dan dibaca bersama di bawah Seksyen 34 Kanun Keseksaan.
>
> Hukuman:
>
> Seksyen 26A: Mana-mana orang yang menjalankan penyeludupan migran melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun, dan boleh juga dikenakan denda, atau kedua-duanya.

LAMPIRAN

BIL.	NAMA	WARGANEGARA	NO. PASPORT
B1	Usman	Indonesia	A8298667
B2	Abbas Ismail	Indonesia	A5701469
B3	Naharuddin La Sali	Indonesia	A8646908
B4	Haris Lasen	Indonesia	W008567
B5	Muhamad Yusup Abd Kadir	Indonesia	V839076
B6	Muhammad Nasir	Indonesia	V070273
B7	Fitri Ramli	Indonesia	A6733415
B8	Darmi Sahau	Indonesia	U800052
B9	Nursang Usman	Indonesia	A5919197
B10	Surianti Abdul Karim	Indonesia	A0961770
B11	Ahmad Nabiel Maddawali	Indonesia	A6733378
B12	Saharuddin	Indonesia	A4353056
B13	Ismail Lahajji	Indonesia	TIADA
B14	Sultan	Indonesia	TIADA
B15	Adi Basir	Indonesia	AR710229
B16	Yunus	Indonesia	TIADA
B17	Napa Pengu	Indonesia	A5919633

Fakta Ringkas Kes

[7] Bagi tujuan rayuan ini, fakta kes bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) Pada 3 Julai 2015, lebih kurang jam 9.00 pagi, SP7 (TPPI Rashiddin bin Rahmat) bersama anggota operasi telah ke tempat kejadian iaitu Hentian sebelah Kulaijaya (Arah Selatan) dan telah tiba di sana pada pukul 9.40 pagi. SP7 kemudiannya telah mengarahkan SP8 (Azmin bin Said) untuk memberhentikan dan meletakkan kenderaan di bahu jalan susur keluar PLUS sebelum masuk ke lebuh raya sepertimana yang telah ditaklimatkan.

A (b) Pada jam 10.30 pagi, kelihatan sebuah bas ekspres berwarna hijau "Kwok Ping Ekspres" dengan nombor pendaftaran BDL 1888 melepasi dan memotong kenderaan yang dinaiki oleh SP7. SP7 mengekori bas tersebut sambil memaklumkan kepada anggotanya supaya bersiap sedia melalui walkie talkie.

B (c) Pada jam 10.40 pagi, bas tersebut tiba di tempat kejadian dan parkir di bahu jalan tempat meletak kenderaan berat (lori dan bas).

(d) SP7 dan SP8 telah membuat pengawasan dan pemerhatian selama lebih kurang 5 minit. Hasil pemerhatian, mereka mendapati bahawa terdapat beberapa orang sedang berbual-bual sesama sendiri dan kelihatan
C seseorang yang mengarahkan penumpang-penumpang yang baru turun daripada bas ekspres tersebut untuk terus menaiki kereta Kenari berwarna kuning dan sebuah teksi eksekutif berwarna biru yang sedia menunggu di hadapan bas tersebut.

D (e) Lebih kurang jam 10.55 pagi, SP7 dan anggota serbuan telah membuat serbuan dan pemeriksaan kesemua penumpang bas, penumpang yang berada di dalam kenderaan serta sekumpulan orang yang berada berdekatan dengan semua kenderaan yang terbabit. Hasil serbuan telah membawa kepada penangkapan 22 orang iaitu terdiri daripada 19 orang warganegara Indonesia, dua orang warganegara Malaysia, dan seorang
E warganegara Indonesia bertaraf penduduk tetap Malaysia.

(f) Kesemua mereka yang ditangkap kemudiannya telah diserahkan kepada pegawai penyiasat, TPPI Tantyanis Mohd Yaakob, (SP13) untuk tindakan selanjutnya.

F (g) Hasil siasatan dijalankan oleh SP13 mendapati bahawa:

Bil	Nama	Warganegara	Tangkapan
1	B1-Usman	Indonesia	B1-B5 ditahan di dalam kereta Kenari. Turut ditahan ialah pemandu Kenari B20. B20 tidak ditahan dan dia dibebaskan.
2	B2-Abbas Ismail	Indonesia	
3	B3-Naharuddin La Sali	Indonesia	
4	B4-Haris Lasen	Indonesia	
5	B5-Muhamad Yusup Abd Kadir	Indonesia	
6	B6-Muhammad Nasir	Indonesia	B6-B11 ditahan di dalam teksi eksekutif berwarna biru. Turut ditahan ialah pemandu teksi, B21. B21 tidak dituduh di mahkamah dan dibebaskan.
7	B7-Fitri Ramli	Indonesia	
8	B8-Darmi Sahau	Indonesia	

G H I

9	B9-Nursang Usman	Indonesia	
10	B10-Surianti Abdul Karim	Indonesia	
11	B11-Ahmad Nabiel Maddawali	Indonesia	
12	B12-Saharuddin	Indonesia	B12-B17 ditahan di dalam bas ekspres. Turut ditahan ialah pemandu bas iaitu B22. B22 dituduh di bawah s. 26J Akta 670 (Syukir bin Mail).
13	B13-Ismail Lahajji	Indonesia	
14	B14-Sultan	Indonesia	
15	B15-Adi Basir	Indonesia	
16	B16-Yunus	Indonesia	
17	B17-Napa Pengu	Indonesia	
18	B18-Mohd Tahir Bahtiar	Indonesia	B18 dan B19 ditangkap di hadapan kereta Kenari dan teksi eksekutif). B18 dan B19 pula ditangkap dalam kes ini dituduh di bawah s. 26A Akta 670, iaitu Perayu Pertama dan Perayu Kedua.
19	B19-Hardi Banggulung	Indonesia	
20	B20: Azman bin Mansor	Malaysia	Pemandu kereta Kenari.
21	B21: Mohd Ali Hanafiah bin Mat Noor	Malaysia	Pemandu teksi eksekutif
22	B22: Syukir bin Mail	Malaysia berstatus penduduk tetap	Pemandu bas

(h) Dalam memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah terhadap perayu-perayu, hakim bicara memberikan alasan-alasan, antara lain, yang berikut:

(i) Keterangan SP1-SP6 jelas menunjukkan perayu pertama dan perayu kedua telah menjalankan penyeludupan migran. SP1-SP6 menyatakan terdapat perjumpaan antara perayu kedua dan mereka. Pembayaran telah dibuat sebelum mereka berlepas atau semasa mereka berada di dalam bas.

(ii) Migran-migran ini berhasrat untuk keluar secara tidak sah dari Malaysia ke negara asal mereka. Maklumat yang diperoleh daripada migran-migran ini menunjukkan mereka bertolak dari Klang dengan menaiki bas nombor pendaftaran BLD 1888.

(iii) Melihat kepada perjalanan yang diatur dan bagaimana migran-migran dikumpulkan, diarahkan menaiki bas dan kemudiannya diarahkan menaiki kenderaan yang sedia menunggu (kereta Kenari dan teksi eksekutif), jelas menunjukkan bahawa perayu pertama dan perayu kedua mengetahui bahawa migran-migran tersebut tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan pengaturan perjalanan pulang migran dibuat melalui jalan yang tidak sah.

(iv) Perbuatan perayu pertama dan perayu kedua adalah tergolong dalam takrifan "penyeludupan" di bawah s. 2 Akta 670.

(v) Mengenai niat bersama pula, peranan yang dimainkan oleh perayu pertama dan perayu kedua membuktikan bahawa mereka telah bekerjasama, mempunyai peranan dan tugas masing-masing untuk melancarkan pengurusan migran pulang secara haram. Oleh itu, s. 34 Kanun Keseksaan telah dibuktikan.

(i) Hakim bicara telah memutuskan pembelaan-pembelaan perayu pertama dan perayu kedua telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan.

Hukuman

[8] Dalam menjatuhkan hukuman sepuluh tahun pemenjaraan terhadap perayu-perayu, hakim bicara menyatakan di ms. 17-18, RR, Jilid I:

> ... In this respect, the Court was of the considered opinion that it is the duty of the Court to impose a deterrent sentence on the accused as the act of trafficking in persons by recruiting, transporting, transferring by a conveyance is a serious offence. It could affect the security of the country if not checked. It is a serious offence as no bail could be granted unless it falls under any of 3 exceptions only.
>
> The Court considered the mitigation by learned counsel and the reply by the learned deputy, and imposed a term of imprisonment of 10 years on each of the accused from the date of arrest for an offence under Section 26A ATIPSM as fair and just. The sentence of imprisonment was imposed after a full trial has taken place ... .

[9] Dalam mencabar hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara terhadap perayu-perayu, peguam bela terpelajar mengemukakan alasan-alasan berikut:

(a) Perayu-perayu ialah pesalah pertama yang tidak pernah terlibat dengan apa-apa kes jenayah sebelum ini.

(b) Sepanjang perayu-perayu berada di negara ini, mereka bekerja secara sah dan tidak pernah terlibat dengan apa-apa kesalahan.

(c) Sebagai pesalah-pesalah pertama, mahkamah seharusnya memberikan pertimbangan kepada fakta ini dan menjatuhkan hukuman yang lebih ringan.

Kepentingan fakta bahawa perayu ialah pesalah pertama telah dinyatakan dalam kes *Public Prosecutor v. Jafa bin Daud* [1981] 1 LNS 28; [1981] 1 MLJ 315:

> In assessing sentence, one of the main factors to be considered is whether the convicted person is a first offender.

(d) Menjatuhkan hukuman pemenjaraan yang terlalu lama ke atas perayu-perayu akan merugikan negara kerana kos yang terpaksa ditanggung untuk menyara kehidupan mereka di dalam penjara adalah tinggi. Mengikut akhbar Utusan Malaysia bertarikh 18 Jun 2013, kos perbelanjaan seorang banduan di dalam negara ini ialah RM35 sehari. Sekiranya perayu-perayu ini menjalani hukuman selama 10 tahun, kos perbelanjaan mereka di dalam penjara yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan ialah RM255,500. Ini adalah satu kerugian besar kepada negara. Wang hasil negara ini sebaliknya boleh disalurkan untuk faedah masyarakat. Peguam bela terpelajar merujuk kepada kes *Sumirah v. Pendakwa Raya* [2016] 1 LNS 1561; [2016] MLJU 1297, di mana mahkamah menyatakan:

> However, in addition, this Court is convinced that the interest of the public must also include the consideration of the costs that our country has to bear to maintain the Appellant in the prison as such expenses were derived from the **public fund**. Such **public fund** could be put to better use for the country instead of being spent on the **maintenance of the foreign prisoners in the prison.** (tekanan ditambah).

[10] Dalam hujahan jawapannya, Timbalan Pendakwa Raya terpelajar menyatakan:

(a) Kesalahan di bawah s. 26A Akta 670 ialah suatu kesalahan yang berada dalam Bahagian IIIA Akta 670 yang juga telah dimasukkan dalam Jadual Pertama Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Akta 747) ("SOSMA") menurut s. 3 Akta 747;

(b) Kes-kes penyeludupan migran amat berleluasa. Kemasukan migran haram ke negara ini telah menimbulkan pelbagai masalah, terutamanya peningkatan kes-kes jenayah dan masalah sosial. Malaysia berada dalam kumpulan kedua senarai negara yang dipantau (Tier 2 Watch List) mengikut laporan US Department of State's Trafficking In Persons (TIP) Report;

(c) Kedua-dua perayu telah memainkan peranan aktif dalam mengatur, mengurus, merancang dan/atau memudahkan perjalanan pulang seramai 17 orang migran dengan cara yang tidak sah;

A (d) 14 orang daripada migran yang ditahan di dalam kenderaan telah 'overstay' dan tiga daripada mereka tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah;

(e) Dalam kes ini, perayu-perayu telah dibicarakan dan seramai 13 orang saksi pendakwaan telah memberikan keterangan;

B

(f) Hukuman penjara sepuluh tahun pemenjaraan yang telah dijatuhkan ke atas perayu-perayu adalah setimpal dengan keseriusan kesalahan yang mereka lakukan;

(g) Hukuman yang dijatuhkan adalah selari dengan trend hukuman yang C dijatuhkan oleh mahkamah berhubung dengan kesalahan di bawah s. 26A Akta 670.

Keputusan Mahkamah Ini

[11] Kami memulakan perbincangan rayuan ini dengan memetik ungkapan D daripada kes *R v. James Hency Sargeant* (1974) 60 Cr. App. R 74 di ms. 77:

> [The] classical principles [of sentencing] are summed up in four words: retribution, deterrence, prevention and rehabilitation. Any judge who comes to sentence ought always to have those four classical principles in mind and to apply them to the facts of the case to see which of them has the greatest importance in the case with which he is dealing.

E

[12] Keempat-empat prinsip penghukuman klasik di atas nampaknya mudah tetapi cabaran yang perlu dihadapi mahkamah adalah untuk menentukan mana satu daripada prinsip-prinsip tersebut sesuai dan wajar untuk dipakai dalam sesuatu kes agar hukuman yang dijatuhkan berpadanan F dengan kesalahan yang dilakukan, adil dan saksama.

[13] Walau apapun juga, satu perkara adalah jelas – terdapat dimensi umum ("public dimension") dalam penghukuman. Sebagaimana yang dibuat pemerhatian oleh Lord Bingham CJ dalam kes *R v. Howells* [1999] 1 All ER 50 di ms. 54:

G

> Courts should always bear in mind that criminal sentences were in almost every case intended to protect the public, whether by punishing the offender or reforming him, or by deterring him and others, or by all of these things. Courts cannot and should not be unmindful of the important public dimension of criminal sentencing and the importance of maintaining public confidence in the sentencing system.

H

[14] Dalam nada yang sama, Hilbery J berkata dalam kes tersohor, *R v. Ball* (1951) 35 Cr. App. R 164:

> In deciding the appropriate sentence, a court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest. The I criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it. A proper sentence, passed in public, serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the

> supposition, that if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life. The public interest is indeed served, and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest life.

[15] Dalam kes *R v. Downey* [2010] OJ No. 1038 ONSC 1531, Mahkamah Kanada berkata di perenggan [29]:

> General and specific deterrence are fundamental sentencing goals that are generally common to virtually all sentences imposed by our courts. A sentence must send a strong and clear message to other like-minded individuals who may be inclined to engage in conduct similar to that of the offender. The offender must also understand that a repetition of his conduct will draw a similar or even harsher penalty. Again, this objective is achieved by the duration of the sentence imposed.

[16] Dalam konteks kes-kes penyeludupan migran, keperluan untuk menjatuhkan hukuman yang mempunyai kesan pencegahan menjadi lebih penting untuk menentukan sempadan negara tidak dibolosi, memelihara reputasi negara di peringkat antarabangsa dan mencegah anasir-anasir subversif dan penjenayah-penjenayah melakukan aktiviti-aktiviti rentas sempadan ("cross-border") yang boleh memudaratkan dan mengancam keselamatan dan keamanan negara.

[17] Pada hemat kami, berdasarkan fakta dan keadaan yang wujud dalam kes ini, hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim bicara adalah berpadanan, setimpal dan saksama berdasarkan alasan-alasan yang berikut:

(a) tidak terdapat apa-apa faktor peringanan ("mitigating factors") yang berpihak kepada perayu-perayu selain daripada faktor bahawa mereka ialah pesalah-pesalah pertama;

(b) Perayu-perayu tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dihadapkan terhadap mereka. Satu perbicaraan penuh telah dijalankan dan seramai 13 orang saksi telah memberikan keterangan. Ini merupakan satu indikasi bahawa perayu-perayu tidak menyesal atas kesalahan yang mereka lakukan. Adalah satu amalan yang diterima bahawa pengakuan bersalah pada peluang terawal merupakan satu ekspresi penyesalan terhadap kesalahan yang dilakukan dan boleh diambil kira sebagai satu faktor peringanan ("mitigating factor for sentencing").

(c) Kesalahan yang dilakukan oleh perayu-perayu telah didorong oleh perasaan tamak dan haloba untuk mendapatkan keuntungan kewangan ("offence was motivated by financial or material gain"). Ini merupakan faktor pemberatan ("aggravating factor") yang mewajarkan hukuman berat dijatuhkan oleh mahkamah. Keterangan menunjukkan bahawa bayaran telah dikenakan kepada migran-migran tersebut.

A (d) Kesalahan bukan dilakukan "on the spur of the moment", misalnya untuk mengelakkan apa-apa bencana tubuh atau mudarat kepada migran-migran. Kesalahan ini telah dirancang secara rapi dan tersusun di mana terdapat perjumpaan antara perayu kedua dengan migran-migran dan mereka diarahkan menukar bas di Klang dan apabila sampai di tempat
B kejadian, telah tersedia kereta Kenari dan teksi eksekutif untuk mengangkut mereka ke destinasi yang ditetapkan. Operasi penyeludupan yang dilakukan oleh perayu-perayu adalah "well-organised".

[18] Prinsip yang mengawal mahkamah yang mendengar rayuan terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah bawahan adalah mantap –
C mahkamah rayuan tidak mempunyai budi bicara yang tidak terbatas ("unfettered discretion") untuk mengulang kaji hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah bawahan. Skop untuk campur tangan oleh mahkamah yang mendengar rayuan adalah terhad kerana penghukuman adalah sebahagian besarnya merupakan budi bicara kehakiman yang memerlukan "a fine
D balancing of myriad considerations". Justeru, terdapat ruang bagi orang yang munasabah untuk mempunyai pendapat yang berbeza. Oleh sebab itu, prerogatif mahkamah yang mendengar rayuan untuk mengubah hukuman dibatasi oleh keperluan untuk memberikan penghormatan ("deference") kepada budi bicara hakim bicara dalam menjatuhkan hukuman.

E **[19]** Pada lazimnya, mahkamah yang mendengar rayuan akan mengubah hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara sekiranya dapat ditunjukkan bahawa hukuman tersebut adalah terlalu berat atau terlalu ringan/tidak mencukupi. Justeru, sesuatu hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara tidak akan diubah semata-mata kerana hukuman itu berat atau ringan tetapi
F hendaklah terlalu berat ("manifestly excessive") atau terlalu ringan ("manifestly inadequate"). Batas sempadan ("threshold") untuk dipenuhi adalah tinggi sebelum campur tangan dapat dilakukan.

[20] Berdasarkan alasan-alasan di atas, kami berpendapat bahawa perayu-perayu telah gagal untuk menunjukkan bahawa hukuman yang telah
G dijatuhkan terhadap mereka oleh hakim bicara adalah terlalu berat dan wajar diganggu.

Kesimpulan

[21] Kami tidak mendapati apa-apa alasan kukuh untuk mencampuri
H hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim bicara. Hukuman tersebut pada hemat kami adalah wajar, saksama, adil dan berpadanan dengan kesalahan yang dilakukan berdasarkan fakta dan keadaan yang wujud dalam kes ini.

[22] Natijahnya, kami dengan sebulat suara menolak rayuan perayu-perayu dan mengekalkan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara.

I